



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	30/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	TNB			

TNB kibar Jalur Gemilang di semua premis

UM, 30
Ogos
2021 30

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan amalan memasang Jalur Gemilang di semua premis dan stesen-stesen jana kuasa dan jana elektrik miliknya di seluruh negara sempena sambutan Hari Kebangsaan hujung bulan ini.

Ibu pejabatnya di Bangsar di sini dipasang dengan dua bendera gergasi bersaiz 20/80 kaki persegi mulai 31 Julai lalu.

Turut dipasang lebih 200 helai Jalur Gemilang pelbagai saiz di perkaraangan Kompleks Ibu Pejabat TNB termasuk di sekeliling pagar luar, sekitar Kompleks Balai Islam An Nur dan Jalan Kelab Kilat atas rasa bangga dan kesyukuran membangun bersama rakyat dan negara.

TNB dalam kenyataan memaklumkan, sambutan tarikh keramat kemerdekaan pada 31 Ogos juga tambah bermakna bukan sahaja sejajar peranannya sebagai Penggerak Kemajuan Negara, malah kerana TNB sendiri menyambut ulang tahun kewujudannya yang ke-72 pada 1 September ini, sehari selepas rakyat meraikan Hari Kebangsaan.

"Tema Hari Kebangsaan kali ini pula, iaitu Malaysia Prihatin secocok dengan nilai-nilai teras keluarga besar 35,000 warga kerja TNB dengan iltizam dan aspirasi berterusan menerangi kehidupan yang lebih sejahtera.

"Bersempena sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Ke-64 pada tahun ini, TNB menawarkan insentif khas Sinaran Merdeka untuk pelanggan perdagangan," katanya.